THE popular adage reads, if it ain't broke, don't fix it. But in Malaysia's case, there's a lot that needs to be fixed.

To put it simply, the "government knows best" approach isn't working. What we have now is a lot of good soundbites, lofty goals and initiatives that are supposed to be put in place that hopefully will lead to a better future for all of us.

The operative word here is hopefully, because the government expects the rakyat to be as patient with the lacklustre economy as they are with the slow progress of much talked about reforms.

In my view, there are three fundamental issues that need to be addressed sooner rather than later. Governance, corruption and education.

Barring any other eventuality, the Madani government has at least three and a half years before GE16 is called. This is the time to push ahead with reforms, because a lot can still be achieved in these next few years.

A better form of governance than previous administrations has always been the rallying cry of this Prime Minister's Cabinet, but we have yet to see any meaningful changes.

For instance, the Attorney General's Chambers (AGC) and the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) continue to report to the PM. This system calls into question the independence of both these bodies.

Clock is ticking for more reforms

24/c
stv

After 18 months in power, meaningful changes have yet to be seen and this government needs to push ahead with reforms.

BRIAN MARTIN

@KlangReng



On your side

The Opposition has accused PMX of political prosecution over the recent high-profile investigations of politicians, both former and current. Placing the AGC and the MACC under parliamentary purview will effectively remove these accusations.

And speaking of Parliament, it is high time the parliamentary select committee (PSC) sittings be opened to the public. These sittings have been shrouded in secrecy for far too long. For example, we are still in the dark about what happened during the 1MDB

sitting when numerous individuals were called in to give their statements.

Tan Sri Abdul Ghani Salleh retired as Election Commission (EC) chairman after four years at the helm last week. It is of paramount importance that the government appoints a non-politician with impeccable credentials as his replacement. This will once again demonstrate the importance of the EC.

And the last reform that I personally would like to see instituted is the abolition of the Printing Presses and Publications Act (PPPA) 1984. And this repeal should go in tandem with amendments to the Communications and Multimedia Act 1998 (CMA).

Both these Acts are archaic pieces of legislation that have no place in this modern digital age. The proposed replacement of a Malaysian Media Council as an independent body without interference from the government will do much to improve the country's

position on the World Media Freedom Index.

The second issue that needs to be addressed is corruption. To be fair, there has been headway made in this regard, because the Corruption Perceptions Index (CPI) 2023 announced in January shows that Malaysia managed to improve from 61st to 57th position out of 180 countries, as well as improve its score from 47 to 50, an increase of three points after a downward trend since 2019.

Some of the reasons that contributed to the increase in the scores are the investigations, arrests and convictions of high-profile cases over the past two years.

But more needs to be done because corruption has infused every layer of society, both in the public and private sector.

The MACC that is answerable to Parliament must now be empowered to eliminate any form of corruption, abuse of power and misappropriation of taxpayer's

money. Action should be taken against anyone involved in the above, regardless of position or standing in society.

The last issue that needs to be addressed soon is also the toughest. It is no secret that our education system lags behind our neighbours. The PM himself has called the state of education in the country the "worst in Asean".

That's not a surprise. For example mathematics. The latest education rankings show that we have fallen behind Brunei, Vietnam and Singapore.

We need to call a spade a spade. Our education policies have failed our children. Hence the thriving and parallel private school system. It is the public schools that need to be fixed urgently.

But decades of mismanagement, not to mention misguided policies, means that it is going to take a major overhaul and political will to effect long lasting changes.

And this must start with the type of teachers that our schools need. They must be trained to play a crucial role in moulding the minds of the youngsters, providing them with knowledge, skills and values that shape their lives.

This then is the state of our nation. Am I being overly pessimistic? I hope not because we still have a lot going for us. The problems we face are not insurmountable. Real, meaningful changes can be made if the government has the political will to do so.

THE STAR

Tarikh: 24 MAY 2024

MBSA teruskan beri petrol percuma

Ringan beban golongan sasar, rapatkan hubungan penduduk Shah Alam

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SHAH ALAM

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) meneruskan inisiatif membantu rakyat menerusi Jom Isi Minyak Motosikal Percuma Siri 2 pada Selasa lalu.

Pengarah Korporat dan Perhubungan Awamnya, Mohd Azhar Mohd Sharif berkata, seramai 300 penunggang motosikal menerima manfaat tersebut yang mana setiap seorang daripada mereka me-

nerima petrol percuma bernilai RM10.

Menurutnya, mereka yang terpilih merupakan kumpulan sasaran yang terdiri daripada penghantar makanan, penjawat awam, pekerja industri, serta penuntut pusat pengajian tinggi di kawasan sekitar.

"Inisiatif ini merupakan usaha berterusan bagi membantu komuniti dalam kawasan pentadbiran MBSA selain merapatkan hubungan perpaduan dan ukhuwah dalam kalangan masyarakat.

"Program ini juga merupakan sebahagian Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) iaitu Tiada Kemiskinan (SDG 1) dan Bandar dan Masyarakat Lestari (SDG 11) sejajar dengan dengan komitmen untuk menjadikan MBSA sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang prihatin," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Jom Isi Minyak Motosikal Percuma Siri 2 dilaksanakan di Stesen Minyak Petronas Bukit



Muhammad Shakir mengisi minyak salah sebuah motosikal terpilih di Stesen Minyak Petronas Bukit Subang, Persiaran Metafasa, Seksyen U16, Shah Alam pada Selasa.

Subang, Persiaran Metafasa, Seksyen U16 di sini.

Program disempurnakan oleh Ahli Majlis MBSA, Muhammad Shakir Ameer Mohideen dan turut dihadiri

Timbalan Setiausaha Pengurusan MBSA, Asmah Mohd Zin.

Mohd Azhar berkata, pelaksanaan program kebajikan terhadap komuniti itu diharap-

kan dapat meningkatkan kesedaran tanggungjawab sosial dalam kalangan warga Shah Alam untuk berganding bahu membantu golongan memerlukan.

SINAR HARIAN

24 MAY 2024

Tarikh:.....

Pastikan dinikmati kumpulan yang tepat

May 24/5

Kerajaan sedang perhalusi mekanisme pelaksanaan yang sesuai sebelum laksana rasionalisasi subsidi

KUALA LUMPUR

Menjelang pelaksanaan subsidi bersasar termasuk bahan api, kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan penyediaan mekanisme pelaksanaan yang sesuai, kata Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, pada masa ini, kerajaan sedang memperhalusi mekanisme bagi memastikan apabila langkah itu dimulakan, ia adalah sesuai dan dinikmati kumpulan yang tepat, dan kerajaan menerima insentif

penjimatan yang mencukupi daripada sistem ini apabila subsidi dihentikan.

"Rasionalisasi subsidi (bahan api) diperlukan memandangkan harganya amat berbeza di antara negara-negara. Kita mempunyai ketirisan. Kita tahu kita mempunyai ketirisan kerana insentifnya amat luas. Kita perlu mengubah insentif dalam negara ini supaya orang yang layak menerima subsidi, akan menerimanya.

"Tetapi, apa yang kita perlu lakukan adalah melaksanakan rasionalisasi subsidi. Mekanisme ini perlu sesuai.

"Saya berpandangan bahawa kerajaan kini berusaha memperhalusinya supaya apabila ia dilaksanakan, ia sampai ke sasaran yang betul. Rasionalisasi subsidi akan berlaku, tetapi kita tidak akan memulakannya jika aspek ini tidak dapat kita selesaikan," katanya pada Forum C-Suite @EY di sini baru-baru ini.

Menurut Amir Hamzah, kerajaan menanggung subsidi diesel di Malaysia sebanyak RM1 bilion pada setiap bulan.

Beliau berkata, perbezaan harga pasaran telah mendorong penyeludupan ke negara jiran selama bertahun-tahun, dan membolehkan segmen besar sektor perdagangan meningkatkan keuntungan berikutan diesel murah, yang pada mulanya tidak layak diterima mereka.



AMIR HAMZAH

"Kerugian akibat ketirisan berjumlah kira-kira RM4.5 juta sehari. Harus diingatkan bahawa subsidi menyeluruh tidak dapat dikekalkan dalam jangka panjang dan perlu digunakan sebagai alat untuk membantu golongan masyarakat yang mudah terjejas.

"Oleh itu, penambahan mesti berlaku, dan Kementerian Kewangan bekerjasama erat dengan Kementerian berkaitan untuk memperhalusi mekanisme itu bagi memastikan mereka yang layak menerima subsidi, akan menerimanya," ujarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa berkata, Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel yang melibatkan pengguna di Semenanjung.

Beliau ketika menyampaikan Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung menerusi semua saluran media tempatan bagaimanapun berkata, ia tidak melibatkan pengguna di Sabah dan Sarawak memandangkan bahan api itu digunakan untuk kenderaan hampir setiap keluarga di kedua-dua negeri berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, subsidi itu melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi. - Bernama



Laporan muka depan Sinar Harian pada Khamis.

SINAR HARIAN

24 MAY 2024

Tarikh:

Kutipan, agihan zakat cecah RM1 bilion

LZS catat peningkatan kutipan sebanyak 4.8 peratus tahun lepas

Oleh NORAFIZA JAAFAR
SHAH ALAM


Lembaga Zakat Selangor (LZS) mencatatkan kutipan dan agihan zakat mencecah RM1 bilion pada tahun lepas.

Pengerusinya, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata, LZS mencatat kutipan sebanyak RM1.12 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.8 peratus berbanding RM1.07 juta pada tahun sebelumnya.

Menurutnya, dalam tempoh sama, LZS telah mengagihkan sebanyak RM1.15 bilion merangkumi peningkatan 9.7 peratus yang memberi manfaat kepada 350,000 penerima zakat melibatkan lapan kategori asnaf.

"Kejayaan ini dicapai berlandaskan sokongan berterusan lebih 390,000 pembayar zakat atau muzakki termasuk 60,776 pembayar zakat baharu.

"Zakat pendapatan mencatatkan



Sinar
24/5

Syed Anwar
(tiga dari kiri)
selepas sidang
akhbar Laporan
Kewangan LZS
2023 di sebuah
hotel di Shah
Alam pada
Khamis.



kutipan tertinggi iaitu sebanyak RM663 juta yang mana saluran utamanya melalui pemotongan gaji membabitkan RM372 juta," katanya ketika sidang akhbar Laporan Kewangan LZS 2023 di sebuah hotel di sini pada Khamis.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Mohd Sabirin Mohd Sarbini.

Beliau berkata, LZS telah mengagih-

kan zakat lebih RM11 bilion sepanjang 30 tahun perkhidmatan sejak 1994.

"Selain bantuan dan sokongan kewangan untuk memenuhi pelbagai keperluan, LZS turut memperkasakan masyarakat apabila lebih 3,600 individu berjaya keluar daripada status asnaf.

"Ia jelas menunjukkan kesungguhan LZS menyediakan penyelesaian jangka panjang bagi asnaf dengan menyalurkan sebanyak RM777 juta kepada Program Pembangunan Sosial dan RM171 juta Program Pembangunan Pendidikan dan Ekonomi pada tahun lalu," katanya.

INFO

LZS agih lebih RM11 BILION zakat sejak 30 tahun lalu

Kutipan diperoleh daripada 390,000 PEMBAYAR ZAKAT

BANTU 350,000 PENERIMA ZAKAT membabitkan lapan kategori asnaf

Berjaya keluarkan 3,600 INDIVIDU DARIPADA STATUS ASNAF

SINAR HARIAN
Tarikh:2.4.MAY.2024....

'Harga barang dijangka naik tiga hingga lima peratus'

SHAH ALAM - Harga barangan dan perkhidmatan dijangka mengalami kenaikan antara tiga hingga lima peratus susulan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Pensyarah kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Ahmad Monir Abdullah bagaimanapun berkata, ia masih dalam lingkungan terkawal.

Menurutnya, angka itu juga dijangka hanya sementara yang boleh diselaras melalui mekanisme kerajaan yang efisien seperti bantuan kewangan atau insentif dalam membantu mengurangkan kesan kepada pengguna.

"Walaupun mungkin terdapat peningkatan harga barang dan perkhidmatan, langkah ini akan membantu mengurangkan pembaziran subsidi diesel yang sering disalahgunakan oleh pihak bukan warga Malaysia.

"Kerajaan turut dapat menjimatkan perbelanjaan dan menyalurkan dana yang diijamatkan kepada program dan inisiatif yang lebih bermanfaat kepada rakyat seperti bantuan kewangan, pendidikan dan kesihatan.

"Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat



AHMAD MONIR

dan kuasa beli dalam jangka panjang," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penyasaran subsidi diesel yang membabitkan pengguna Semenanjung dijangka akan menyebabkan kenaikan pada harga barang dan perkhidmatan.

Ditanya tentang situasi ekonomi domestik negara susulan pelaksanaan penyasaran berkenaan, Ahmad Monir menjelaskan, ia akan bertambah baik dalam jangka masa panjang.

"Langkah berkenaan akan mengurangkan seludup subsidi diesel secara haram. Ia sekali gus membantu kerajaan dalam mengurangkan kebocoran kewangan dan menggunakan dana yang diijamatkan untuk pembangunan infrastruktur, peningkatan sistem kesihatan serta pendidikan.

"Ia akan meningkatkan daya saing ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat. Langkah ini menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan subsidi sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukan, seterusnya meningkatkan keadilan sosial dan kestabilan ekonomi," jelas beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 MAY 2024

Manipulasi keadaan naikan harga barang

TAIPING - Tindakan pihak tertentu memanipulasi keadaan tertentu termasuk pengumuman kerajaan mengenai subsidi bersasar menyebabkan harga barangan meningkat.

Pengerusi Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abu Fasal berkata, penyasaran subsidi minyak diesel yang dilakukan kerajaan sebenarnya tidak memberikan kesan terus kepada kos operasi barangan.

Menurutnya, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penyasaran subsidi itu bertujuan menjimatkan perbelanjaan kerajaan yang selama ini dibazirkan akibat ketirisan dan bukan penarikan balik subsidi.

"Kalau saya ambil contoh subsidi minyak diesel kepada kapal-kapal nelayan yang besar. Sebenarnya dalam kiraan yang saya buat, ada kapal jenis C mendapat subsidi tetapi kapal jenis C2 tak dapat subsidi tetapi harga ikan



Syed Abu Hussin Hafiz (dua dari kiri) bertemu peniaga ketika meninjau Pasar Pagi Taman Kaya, Taiping pada Khamis.

sama sahaja.

"Maknanya ia (penyasaran subsidi) tak ada kesan terus kepada kos. Ini kadang-kadang manipulasi menyebabkan kos meningkat dengan alasan kata subsidi ditarik, tetapi sebenarnya tidak," katanya kepada pemberita ketika meninjau Pasar Pagi Taman Kaya dekat sini pada Khamis.

Syed Abu Hussin yang

juga Ahli Parlimen Bukit Gantang dalam pada itu menyambut baik pengumuman Perdana Menteri itu dan berharap subsidi bersasar yang dilaksanakan kerajaan akan berjaya mengurangkan ketirisan.

Pengumuman tersebut turut mendapat reaksi daripada pelbagai pihak yang menyambut baik pelaksanaan penyasaran subsidi bahan api tersebut.

SINAR HARIAN

Tarikh: 24 MAY 2024

Tak perlu beri tunai elak disalah guna

Kerajaan disaran salur subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penaja, peniaga kecil

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
SHAH ALAM



Laporan Sin Harian pada Khamis.

Kerajaan disaran menyalurkan subsidi diesel melalui medium khas yang hanya boleh diakses masyarakat penaja dan peniaga kecil, sebagai mekanisme memastikan bantuan tunai yang diberikan hanya dibelanjakan untuk bahan api tersebut demi mengawal kenaikan harga jualan.

Presiden Gabungan Persatuan Penaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, be-

liau optimis dengan pelaksanaan penyaluran subsidi diesel yang diumumkan kerajaan, namun mekanisme pengagihan subsidi kepada masyarakat penaja menjadi perkara yang membimbangkan dan perlu diberi perhatian khusus.

Ini kerana, beliau berkata, sekiranya penyaluran subsidi tidak disalurkan kepada golongan yang tepat seterusnya gagal dimanfaatkan secara berhemah, ia boleh memberi kesan ketara kepada kenaikan harga jualan yang tidak terkawal.

"Platform khas perlu digunakan supaya kerajaan dapat pastikan subsidi diesel ini hanya boleh digunakan untuk isi diesel sahaja. Kita sudah ada sistem In2Niaga dilancarkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Kuskop)... hanya peniaga sah yang layak mendapat akses kad debit tersebut.



ROS LI

"Boleh jadikan platform In2Niaga ini sebagai syarat dan mekanisme penyaluran subsidi dan kita sedia dipantau oleh agensi kerajaan melaluinya.

"Tak perlu beri tunai kepada peniaga kecil, tapi peruntukan subsidi melalui akses kad In2Niaga dan boleh ditetapkan untuk isi diesel sahaja," katanya kepada Sin Harian.

Pengumuman penyaluran subsidi diesel oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyaksikan kerajaan terus menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Ia melibatkan sepuluh jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), termasuk pengusaha bas dan teksi.

Kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada

pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

Mengulas lanjut, Rosli berkata, penggunaan kenderaan komersial bermotor diesel oleh golongan peniaga kecil tidak dapat dielakkan dan memerlukan kos purata kira-kira RM600 sebulan untuk urusan pembelian bahan mentah, termasuk berulang alik ke tempat perniagaan antaranya operasi pasar malam yang melibatkan beberapa kawasan berbeza setiap hari.

Namun tegas beliau, dalam apa jua keadaan, golongan peniaga kecil perlu mengutamakan kepentingan pelanggan dengan menawarkan harga jualan yang lebih murah berbanding pengusaha restoran yang jelas memerlukan kos operasi lebih besar.

"Perolehan subsidi diesel dengan kaedah yang tepat, menjadi sebab yang kukuh untuk golongan peniaga kecil tidak menaikkan harga jualan dengan sewenang-wenangnya.

"Sukar untuk memberi jaminan tiada kenaikan harga jualan, tetapi sekurang-kurangnya ia masih terkawal," ujar beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.4.MAY.2024..

Kuala Lumpur

Menjelang pelaksanaan subsidi bersasar termasuk bahan api, kerajaan akan memberi tumpuan untuk memastikan penyediaan mekanisme pelaksanaan yang sesuai, kata Menteri Kewangan II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Beliau berkata, pada masa ini, kerajaan sedang memperhalusi mekanisme bagi memastikan apabila langkah itu dimulakan, ia adalah sesuai dan dinikmati kumpulan yang tepat, dan kerajaan menerima insentif penjimatan yang mencukupi daripada sistem ini apabila subsidi dihentikan.

"Rasionalisasi subsidi (bahan api) diperlukan memandangkan harganya amat berbeza di antara negara-negara. Kita mempunyai ketirisan kerana insentifnya amat luas. Kita perlu mengubah insentif dalam negara ini supaya orang yang layak menerima subsidi, akan menerimanya.

"Tetapi, apa yang kita perlu lakukan adalah melaksanakan rasionalisasi subsidi. Mekanisme ini perlu sesuai. Saya berpandangan bahawa kerajaan kini berusaha memperha-

Bisnes

ELAK SUBSIDI BAHAN API TIRIS

Mekanisme penyasaran subsidi fokus bantu penerima benar-benar layak

lusinya supaya apabila ia dilaksanakan, ia sampai ke sasaran yang betul. Rasionalisasi subsidi akan berlaku, tetapi kita tidak akan memulakannya jika aspek ini tidak dapat kita selesaikan," katanya pada Fo-

rum C-Suite @EY baru-baru ini.

Mentri Amir Hamzah, kerajaan menanggung subsidi diesel di Malaysia sebanyak RM1 bilion pada setiap bulan.

Beliau berkata perbezaan

harga pasaran telah mendorong penyeludupan ke negara jiran selama bertahun-tahun, dan membolehkan segmen besar sektor perdagangan meningkatkan keuntu-

ngan berikutan diesel murah, yang pada mulanya tidak layak diterima mereka.

"Kerugian akibat ketirisan berjumlah kira-kira RM4.5 juta sehari. Harus diingatkan bahawa subsidi menyeluruh tidak dapat dikekalkan dalam jangka panjang dan perlu digunakan sebagai alat untuk membantu golongan masyarakat yang mudah terjejas.

"Oleh itu, penambahbaikan mesti berlaku, dan Kementerian Kewangan bekerjasama erat dengan kementerian berkaitan untuk memperhalusi

mekanisme itu bagi memastikan mereka yang layak menerima subsidi, akan menerimanya," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa berkata, Jemaah Menteri bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi ke atas diesel yang melibatkan pengguna di Semenanjung.

Beliau ketika menyampaikan Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung menerusi semua saluran media tempatan bagaimanapun berkata, ia tidak melibatkan pengguna di Sabah dan Sarawak memandangkan bahan api itu digunakan untuk kenderaan hampir setiap keluarga di kedua-dua negeri berkenaan.

Anwar berkata, bagi membendung kenaikan mendadak harga barang dan perkhidmatan di Semenanjung, kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial dengan bahan api itu.

Menurut Perdana Menteri, subsidi itu melibatkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah sistem kawalan diesel bersubsidi.

KERAJAAN
tanggung subsidi
diesel sebanyak
RM1 bilion pada
setiap bulan.

HARIAN METRO
Tarikh: ..2.4..MAY..2024..

LZS Selangor agih zakat RM11 bilion selama 30 tahun

Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan zakat berjumlah lebih RM11 bilion kepada golongan memerlukan sepanjang 30 tahun penubuhannya.

"Alhamdulillah. Dedikasi kami dalam tempoh 30 tahun lalu dilihat daripada kejayaan kami mengutip dan mengagihkan zakat.

"Kami berpegang teguh pada kepercayaan diletakkan terhadap kami," kata Pengerusi LZS Tan Sri Syed Anwar Jamalullail.

Pada perkembangan sama, LZS terus merekodkan kutipan melebihi RM1 bilion bagi tahun kedua dengan jumlah kutipan RM1.12 bilion bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

Jumlah itu meningkat sekitar RM51.1 juta berbanding kutipan pada 2022 iaitu RM1.07 bilion.

LZS membuat agihan RM1.15 bilion pada tahun lalu yang memberi manfaat kepada lebih 350,000 individu berbanding RM1.05 bilion pada 2022.

"Kutipan tertinggi pada tahun lalu diperoleh menerusi zakat pendapatan

iaitu RM662.6 juta.

"Saluran kutipan terbesar menerusi potongan gaji dengan jumlah pembayar zakat 398,184 orang.

"Kejayaan berterusan ini disokong melalui 60,776 pembayar zakat baharu. Ini menunjukkan kepercayaan dan keyakinan pembayar zakat terhadap LZS bagi menjalankan amanah dalam segi kutipan dan agihan," katanya di sini, semalam.

"Kejayaan berterusan ini disokong melalui 60,776 pembayar zakat baharu. Ini menunjukkan kepercayaan dan keyakinan pembayar zakat terhadap LZS bagi menjalankan amanah kutipan dan agihan"

Beliau berkata, agihan zakat membawa manfaat kepada lebih 65,000 keluarga asnaf, dengan lebih daripada 3,600 keluarga keluar dari pada belunggu kemiskinan.

"Agihan terbesar disalurkan ke-

pada pembangunan sosial yang menjadi satu daripada tunggak utama, dengan sumbangan RM777 juta membabitkan aspek bantuan kewangan bulanan, sewa rumah, membina rumah dan bantuan perubatan serta rawatan dialisis.

"Selain itu, LZS juga menyalurkan agihan terhadap pendidikan berjumlah RM171 juta," katanya.



SYED ANWAR (dua kiri) menunjukkan Laporan Kelestarian LZS pada sidang akhbar laporan kewangan agensi tersebut bagi tahun 2023 di Shah Alam semalam.

Peningkatan RM51.1 juta berbanding 2022 **LZS kutip lebih RM1b** **dua tahun berturut**

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus mencatatkan kutipan melebihi RM1 bilion bagi tahun kedua apabila merekodkan RM1.12 bilion bagi kewangan berakhir Disember tahun lalu.

Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata, jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak RM51.1 juta berbanding pada tahun 2022 iaitu RM1.07 bilion.

Katanya, kutipan tertinggi tahun lalu itu diperoleh menerusi zakat pendapatan sebanyak RM662.6 juta.

"Saluran kutipan terbesar adalah menerusi potongan gaji iaitu RM372.2 juta dengan bilangan pembayar zakat adalah

seramai 398,184 orang.

"Kejayaan berterusan ini disokong melalui seramai 60,776 pembayar zakat baharu. Ini menunjukkan kepercayaan dan keyakinan berterusan pembayar zakat terhadap LZS bagi menjalankan amanah dalam segi kutipan dan agihan zakat," katanya di sini semalam.

Menurut beliau, LZS turut berjaya mengagihkan sebanyak RM1.15 bilion kepada lebih 350,000 penerima zakat tahun lalu dengan peningkatan 9.7 peratus berbanding 1.05 bilion yang diagihkan pada tahun sebelumnya.

"Pengagihan zakat lebih tinggi adalah disebabkan Majlis Fatwa Negeri Selangor yang menetapkan agar kutipan zakat akhir tahun diagihkan kepada asnaf

dalam tempoh enam bulan atau Jun pada tahun berikutnya.

"Lebih daripada RM700 juta disalurkan untuk program pembangunan sosial yang merupakan agihan zakat terbesar. Bilangan asnaf berjaya keluar dari status asnaf lebih 3,600 individu iaitu hampir dua kali ganda berbanding tahun 2022," katanya.

Beliau turut positif LZS berjaya mencapai sasaran kutipan RM1.5 bilion menjelang 2025.

Dalam pada itu, Syed Anwar memaklumkan LZS menjadi agensi zakat pertama di negara ini yang mengeluarkan Laporan Kelestarian LZS dalam menunjukkan ketelusan selepas pengauditan agar masyarakat tahu mengenai hala tuju penyaluran bayaran zakat itu.

KOSMO

Tarikh: 24 MAY 2024



ARMIZAN (dua kanan) bersama seorang wakil syarikat pengangkutan yang menerima fleet kad SKDS 2.0 di Lebuhraya Grand Sepadu, Pelabuhan Klang semalam.

Tarikh penyasaran subsidi diesel belum ditetapkan

Kosmo
24/5

PELABUHAN KLANG – Penetapan tarikh sebenar pelaksanaan penyasaran subsidi diesel belum diputuskan biarpun secara dasarnya ia bakal dilaksanakan tahun ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perkara itu hanya dilaksanakan selepas Jemaah Menteri berpuas hati dengan perincian semua mekanisme bagi memastikan hanya kumpulan sasaran layak mendapatkan bantuan.

"Penstrukturan harga di stesen minyak memang mudah, namun faktor menentukan pemberian bantuan itu yang mahu diperkukuhkan secara berperingkat.

"Kita sedang merangka me-

kanisme itu bagi mengelak berlakunya isu terlepas pandang bagi penerimanya kelak," katanya pada sesi penyerahan Fleet Card Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 di Lebuhraya Grand Sepadu, di sini semalam.

Tambah beliau, pihaknya juga bersedia memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak yang sengaja menaikkan harga barangan selepas pelaksanaan subsidi bersasar bahan api itu.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi bersasar bahan api bagi Semenanjung Malaysia dengan jangkaan penjimatan berjumlah RM4 bilion.

KOSMO

Tarikh: 24 MAY 2024

Di tengah-tengah ketegangan yang sedang memuncak di seluruh dunia

Malaysia destinasi selamat pelaburan

Oleh RASDAN AHMAD

Kosmo
24/5

PETALING JAYA – Malaysia merupakan destinasi selamat untuk mana-mana pelabur yang masih mencari tempat pelaburan mereka di tengah-tengah ketegangan yang sedang memuncak di seluruh dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, status itu penting buat pelabur khususnya dalam sektor pembuatan yang sedang mencari destinasi selamat untuk membuat pelaburan.

"Saya berani katakan bahawa Malaysia sesuai dengan keperluan, terima kasih kepada kestabilan kita, tenaga buruh yang mahir serta keadaan ekonomi dan geopolitik kita.

"Buktinya adalah pada angka. Lihat sahaja pada 2023, Pulau Pinang selaku hab semikonduktor Malaysia menarik AS\$13 bilion dalam pelaburan langsung asing, melebihi jumlah gabungan



ANWAR ketika menyampaikan ucapatama pada Persidangan Nikkel ke-29 di Tokyo semalam.

untuk tujuh tahun sebelumnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapatama

pada Persidangan Antarabangsa Mengenai Masa Depan ke-29 (Persidangan Nikkel) di Tokyo semalam.

Perdana Menteri menjadi pemimpin pertama menyampaikan ucapatama pagi semalam dengan ucapan beliau berkisar

tema ASEAN Leadership In an Uncertain World yang menyentuh isu geopolitik dan Malaysia sebagai penerusi ASEAN tahun depan.

Sebagai persiapan memegai jawatan penerusi ASEAN, Perdana Menteri berkata, Malaysia komited untuk memperkuat kerjasama ekonomi serantau dan mengurangkan perbezaan dalam negara-negara ASEAN.

"Usaha ini termasuk memperkenalkan kerangka Ekonomi Madani untuk pembangunan yang mampan dan inklusif ser Pelan Induk Perindustrian Kebangsaan 2030 (NIMP 2030) untuk memacu industri strateg seperti semikonduktor dan k

luli. "Malaysia juga melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, menunjukkan komitmen negara terhadap kemampan alam sekitar," katanya.

KOSMO

Tarikh: 24 MAY 2024

12.8 juta orang alami berat badan berlebihan

Rakyat Malaysia semakin gemuk

Kosmo
24/5

PETALING JAYA – Lebih separuh daripada rakyat dewasa di negara ini mengalami masalah obesiti atau gemuk apabila sebanyak 54.4 peratus atau 12.8 juta daripada 23.6 juta orang dewasa mengalami berat badan berlebihan setakat tahun lalu.

Menerusi poster yang dikongsikan Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Bahagian Pemakanan di platform media sosialnya semalam, trend berat badan berlebihan dan obesiti dalam kalangan dewasa meningkat lebih tiga peratus setiap tahun dari 2011 hingga 2023.

Sementara itu, data terkini *The World Factbook – Central Intelligence Agency* dari 2016 hingga 2024 pula mendedahkan, Malaysia muncul sebagai negara kedua di Asia Tenggara yang mempunyai ramai rakyat gemuk.

Brunei muncul sebagai pendahulu dengan 28.2 peratus rakyatnya mempunyai masalah berat badan, manakala Malaysia menduduki tempat kedua tertinggi mengutip peratusan sebanyak 19.7 peratus.

Singapura dan Thailand pula terikat pada 11.6 peratus di tangga ketiga dan keempat, manakala di bawahnya adalah Filipina, Indonesia, Myanmar, Laos serta Kemboja.

Dalam pada itu, KKM berkongsi lapan langkah pencegahan terbaik bagi mengelakkan obesiti yang menyumbang kepada



OBEESITI adalah satu masalah serius yang sedang menular dalam kalangan masyarakat dunia termasuk Malaysia. – GAMBAR HIASAN

banyak penyakit kronik sehingga berisiko membawa kematian.

Antara langkah pencegahan yang disarankan adalah pilih makanan rendah gula dan lemak, makan dalam kuantiti kecil, kurangkan masa bermain gajet dan menggantikannya dengan aktiviti riadah.

"Selain itu, minum air kosong sekurang-kurangnya lapan gelas sehari, makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.

"Makan selewat-lewat tiga hingga empat jam sebelum tidur, lakukan senaman secara tetap dan berkala serta pantau berat badan sekali seminggu," katanya.

KOSMO

tarikh: 24 MAY 2024

1,528 tapak pembinaan diperiksa

Operasi CIDB bersama lapan agensi pastikan kontraktor ikut SOP, lindungi hak pekerja

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,528 operasi penguatkuasaan dijalankan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di tapak pembinaan seluruh negara dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Operasi dalam tempoh Januari hingga April lalu itu dijayakan secara bersepadu bersama lapan agensi berkaitan lain dengan 169 daripadanya membabitkan tapak pembinaan sekitar ibu negara.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata siri operasi penguatkuasaan bersepadu itu bertujuan melindungi keselamatan dan kesihatan

tan pekerja serta memastikan bangunan yang dibina benar-benar kukuh dan selamat.

"Operasi dijalankan bukan untuk mendera atau menyusahkan kontraktor, tetapi supaya mereka maklum ada prosedur operasi standard (SOP) perlu dipatuhi bagi memastikan keselamatan pekerja, bangunan yang dibina betul-betul kukuh," katanya.

Beliau ditemui pemberita ketika menyertai operasi tapak pembinaan di Bandar Baru Sri Petaling, di sini, semalam.

Turut serta Timbalan Ketua Eksekutif I CIDB, Razuki Ibrahim dan Pengarah CIDB Kuala Lumpur, Datuk Gerald Sundaraj.

Ahmad menjelaskan, operasi disertai 160 pegawai daripada sembilan agensi termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dan Jabatan Kesihatan dibuat tanpa sebarang notis.

"Kita buat serbuan tanpa notis, jika beri notis, tidak ada kesalahan yang akan ditemui."

"Mereka (kontraktor boleh) tutup tempat yang mempunyai nyamuk guna pasir pada masa sejam," katanya.

Menurutnya, pelbagai kesalah-

an dikesan dalam operasi itu, termasuk bahan binaan tidak memiliki piawaian ditetapkan CIDB yang berpotensi membahayakan keselamatan pekerja dan bangunan.

Kesan tempat blak Aedes

Dalam gerakan berkenaan, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) mengesan beberapa kesalahan boleh dikompaun, manakala Jabatan Kesihatan menemui lapan tempat pembiakan Aedes.

"Bagi kesalahan tempat pembiakan nyamuk di tapak pembinaan, kompaun RM500 dikenakan."

"Dalam operasi ini, jumlah kompaun keseluruhan membabitkan kesalahan itu adalah RM4,000," katanya.

Ahmad berkata, tapak pembinaan terbabit juga diarah menghentikan sementara operasi selama 14 hari kerana melanggar peraturan mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Akta 520).

Sementara itu, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga mengesan sisa makanan dibiarkan bercampur dengan sisa binaan di tapak projek yang diperiksa.

"Kontraktor tak boleh kata tak

tahu perkara yang boleh menyebabkan kompaun dikenakan kerana CIDB adakan kursus dari semasa ke semasa.

"Kita harap kontraktor sentiasa melihat laman web CIDB untuk ketahui kursus dianjurkan."

"Ia boleh meningkatkan profesionalisme pekerja binaan. CIDB akan terus adakan kursus terutama di Akademi Binaan Malaysia (ABM)," kata Ahmad turut mendedahkan ada tapak pembinaan mempunyai jalan keluar yang tidak dibenarkan.

"Kita tahu (pekerja) buat kerja pembinaan waktu siang, tetapi malam kita tak tahu mereka buat apa," katanya.

Ahmad ketika menyertai operasi penguatkuasaan bersepadu CIDB di tapak pembinaan di Kuala Lumpur, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)



BERITA HARIAN
24 MAY 2024
Tarikh.....



Pembinaan antara lima sektor di bawah pelaksanaan projek rintis Dasar Gaji Progresif bagi meningkatkan pendapatan pekerja. (Foto hiasan)

1,000 syarikat bakal laksanakan projek rintis Dasar Gaji Progresif

Lima sektor penuh syarat layak terima inisiatif khas daripada kerajaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dasar Gaji Progresif yang bertujuan menangani isu gaji rendah membelenggu pekerja di negara ini dan pengalihan pendapatan lebih seimbang akan mula dilaksanakan sebagai projek rintis bulan depan, dengan pembabit 1,000 syarikat meliputi lima sektor.

Lima sektor itu adalah pembuatan; pembinaan; perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor, dan motosikal; maklumat dan komunikasi serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal.

Syarikat yang terpilih akan menerima insentif maksimum RM200 sebulan bagi setiap pekerja peringkat permulaan dan maksimum RM300 sebulan bagi setiap pekerja bukan peringkat permulaan.

(Pekerja peringkat permulaan adalah tenaga kerja yang berkhidmat dalam tahun pertama di syarikat itu, manakala pekerja bukan peringkat permulaan ada-

lah mereka yang telah mengisi jawatan di syarikat lebih daripada setahun).

Majikan layak menuntut insentif tunai menerusi Dasar Gaji Progresif daripada kerajaan sekiranya memenuhi beberapa syarat, antaranya pekerja terbabit bergaji RM1,500 hingga RM4,999.

Selain itu, pekerja yang berdaftar di bawah Dasar Gaji Progresif perlu menjalani kursus dan latihan peningkatan kemahiran sekurang-kurangnya selama tiga hari (21 Jam),” katanya.

Dasar Gaji Progresif mempunyai tiga ciri iaitu pelaksanaan adalah secara sukarela oleh majikan, kerajaan memberikan insentif dan kenaikan gaji berdasarkan produktiviti.

Tingkat produktiviti pekerja

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata Dasar Gaji Progresif adalah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan pendapatan pekerja seimbang dengan peningkatan produktiviti untuk memacu Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi.

Selasa lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Perutusan Negeranya memaklumkan kerajaan serius menggubal Dasar Gaji Progresif membabitkan sektor swasta bagi membantu meningkatkan pendapatan rakyat.

Perdana Menteri berkata, usaha itu penting kerana ramai orang muda dan graduan baharu sering bertanyakan mengenai nasib mereka, khususnya peluang pekerjaan dan pendapatan.

Kertas Putih cadangan Dasar Gaji Progresif yang dibentangkan di Parlimen pada 30 November tahun lalu, antara lain menjadi strategi kerajaan meningkatkan gaji penengah pekerja, sekali gus meningkatkan kadar bahagian pampasan pekerja (CE) dalam tempoh berbaki Rancangan Malaysia Ke-12 serta 10 tahun akan datang.

Rafizi berkata, pemilihan syarikat untuk projek rintis itu dibuka kepada lima sektor dengan melalui proses menekankan sokongan dasar, tahap keperluan sektor dan kesaksamaan.

“Penilaian terhadap projek rintis ini akan dilaksanakan pada September ini, bagi memastikan ketersediaan dasar sebelum Dasar Gaji Progresif dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua majikan dan sektor,” katanya menerusi ciapan di laman X, semalam.

Majikan yang ingin mendapatkan maklumat lanjut termasuk garis panduan penuh pelaksanaan Dasar Gaji Progresif serta latihan boleh melayari laman web <https://gajiprogresif.gov.my>.



Rafizi Ramli

DASAR GAJI PROGRESIF

Apa itu Dasar Gaji Progresif?

Untuk meningkatkan gaji pekerja secara progresif, seiring peningkatan produktiviti. Ia menjadi pelengkap kepada dasar gaji sedia ada iaitu Dasar Gaji Minimum dan Sistem Upah yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) dalam usaha meningkatkan gaji serta mencapai pengalihan pendapatan yang lebih seimbang.



Bila Dasar Gaji Progresif dilaksanakan?

Projek rintis membabitkan 1,000 syarikat akan bermula pada Jun 2024 hingga Ogos 2024. Penilaian projek rintis pada September 2024 untuk menilai ketersediaan dasar sebelum pelaksanaan penuh.

Siapa terima manfaat?

Memfaatkan pekerja peringkat permulaan dan pekerja bukan peringkat permulaan dari pelbagai sektor yang bergaji antara RM1,500 dan RM4,999 sebulan. Majikan akan mendapat tenaga kerja berkemahiran tinggi yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti, daya saing dan pendapatan syarikat.



TIGA CIRI DASAR GAJI PROGRESIF

BERSIFAT SUKARELA

Syarikat berminat boleh mendaftar secara sukarela melalui sistem permohonan dalam talian (gajiprogresif.gov.my)



BERTERASKAN INSENTIF

Syarikat berdaftar serta memenuhi syarat dan kriteria akan menerima insentif. Jumlah insentif ditentukan kerajaan berdasarkan kedudukan fiskal negara



TERKAIT PRODUKTIVITI

Kenaikan gaji perlu seiring peningkatan tahap kemahiran dan produktiviti pekerja



INSENTIF

Kadar Insentif sebulan mengikut kumpulan pekerja

KUMPULAN PEKERJA	KADAR INSENTIF SEBULAN
Peringkat permulaan	Maksimum RM200
Bukan peringkat permulaan	Maksimum RM300

Latihan 3 hari (21 jam) pra-syarat untuk pembayaran insentif

SYARAT PENYERTAAN

- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau lain-lain pertubuhan
- Berdaftar dengan PERKESO dan KWSP
- Bukan syarikat berkaitan kerajaan dan multinasional
- Tuntutan insentif hanya kepada pekerja warganegara Malaysia
- Menggaji pekerja yang bekerja sepenuh masa di bawah suatu kontrak perkhidmatan
- Menggaji pekerja yang menerima gaji pokok tidak melebihi had gaji ditentukan Jawatankuasa Eksekutif Pelaksanaan Dasar Gaji Progresif
- Penyertaan dibuka kepada semua sektor kecuali pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti sosial wajib serta aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah.

Produktiviti pekerja suku pertama meningkat 1.9 peratus

Produktiviti pekerja Malaysia yang dinyatakan sebagai nilai ditambah setiap jam bekerja mencatatkan pertumbuhan 1.9 peratus dengan jumlah jam bekerja meningkat 2.2 peratus mencatatkan 9.5 bilion jam pada suku pertama, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan itu juga sejajar dengan pertumbuhan ekonomi 4.2 peratus pada suku pertama 2024.

Bellau berkata, jumlah bilangan pekerja yang dicatatkan ialah 16.4 juta orang, menunjukkan pertumbuhan tahun ke

tahun sebanyak 2.1 peratus pada suku pertama 2024.

"Kedudukan ekonomi yang menggalakkan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang stabil dan kadar pengangguran yang rendah menyebabkan produktiviti buruh per jam bekerja pada suku tahun pertama 2024 meningkat 1.9 peratus, bagi merekodkan RM42.0 per jam.

"Manakala, produktiviti buruh per pekerja katanya mencatatkan pertumbuhan 2.0 peratus kepada RM24,230 per pekerja," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohd Uzir berkata, dari segi prestasi sektor bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai

nilai ditambah per jam bekerja, sektor pembinaan memacu prestasi keseluruhan dengan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 12.5 peratus tahun ke tahun, diikuti oleh sektor perlombongan dan pengkuarian pada 2.7 peratus, sektor perkhidmatan pada 1.8 peratus dan sektor pertanian pada 0.9 peratus.

Bellau berkata, manakala sektor pembuatan menyusut pada negatif 0.3 peratus.

Produktiviti buruh per jam bekerja katanya menunjukkan peningkatan bagi kesemua subsektor perkhidmatan, iaitu pengangkutan dan penyimpanan (10.4 peratus); hartanah dan perkhidmatan perniagaan (7.2

peratus), utiliti (6.8 peratus); perkhidmatan lain (2.5 peratus); perdagangan borong dan runcit (1.6 peratus) dan makanan & minuman dan penginapan (1.1 peratus) kecuali kewangan dan insurans (-9.0 peratus) dan maklumat dan komunikasi (-1.8 peratus).

"Produktiviti buruh dijangka mencatatkan prospek yang lebih baik memandangkan ekonomi Malaysia semakin pulih.

"Momentum positif pertumbuhan pasaran buruh dan aktiviti perniagaan yang berkembang pesat serta pengukuhan modal insan adalah antara faktor peningkatan produktiviti buruh," katanya.

Kedudukan ekonomi yang menggalakkan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang stabil dan kadar

pengangguran yang rendah menyebabkan produktiviti buruh per jam bekerja pada suku tahun pertama 2024 meningkat 1.9 peratus, bagi merekodkan RM42.0 per jam

Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan



BERITA HARIAN
Tarikh.....2.4 MAY 2024.....

Subsidi bersasar dijangka rangsang penggunaan EV



Kenderaan hibrid
diunjur turut
dapat permintaan
lebih tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pelaksanaan subsidi bersasar dijangka merangsang permintaan ke atas kenderaan elektrik (EV), khususnya pilihan yang lebih mampu milik.

Penganalisis TA Securities, Angeline Chin, berkata selain EV, rasionalisasi subsidi yang bakal dijalankan akan membuka jalan kepada peningkatan penggunaan kenderaan hibrid yang lebih tinggi

di Malaysia.

Katanya, berdasarkan kajian Tenaga Nasional Bhd (TNB), kos bahan api/tenaga untuk menggunakan EV adalah 11.4 hingga 51 peratus lebih rendah berbanding kereta enjin pembakaran dalaman (ICE).

"Bagaimanapun, kerajaan perlu mempercepatkan pemasangan titik pengecasan EV untuk menyokong jualan kenderaan alaf baru," katanya dalam nota penyelidikan.

Ketika ini, terdapat kira-kira 2,288 stesen pengecas EV di Malaysia, masih jauh untuk mencapai sasaran 10,000 stesen pengecas EV menjelang 2025.

Rasionalisasi berperingkat

Chin berkata, TA Securities percaya kerajaan akan melaksanakan program rasionalisasi bahan api secara lebih beransur-ansur

kerana sebarang langkah drastik akan membebankan rakyat.

"Kami menjangkakan program ini (rasionalisasi subsidi) akan menjejaskan permintaan untuk kereta pasaran pertengahan, terutama dalam kalangan kumpulan M40 yang mungkin menangguhkan pembelian kereta baharu.

"Ia juga membawa kemungkinan golongan M40 memilih kenderaan enjin lebih kecil yang berpotensi memberi manfaat kepada PERODUA dan PROTON," katanya.

Beliau menjelaskan, firma penyelidik itu percaya impak itu boleh dikurangkan dengan pengendalian pengeluaran Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) baru-baru ini dan jangkaan kenaikan gaji kakitangan awam menjelang akhir tahun.

"Pada pandangan kami, langkah ini menyediakan tunai tam-

bahan kepada isi rumah, sekaligus mengurangkan kesan dasar rasionalisasi bahan api," katanya.

Selasa lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kenaikan harga diesel tidak akan menjejaskan kumpulan B40 dan M40.

Chin berkata, satu-satunya individu yang terjejas oleh rasionalisasi ialah kumpulan T20 dan kira-kira 3.5 juta warga asing.

"Program rasionalisasi ini dijangka menjimatkan kerajaan kira-kira RM4 bilion setahun," katanya.

Sebagai imbasan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dilaporkan berkata, secara purata kumpulan T20 membelanjakan RM399 sebulan untuk petrol RON95, manakala kelompok B40 hanya membelanjakan RM243 sebulan untuk bahan api bersubsidi.

BERITA HARIAN

Tarikh.....2-4-MAY-2024...

Subsidi bersasar lebih adil, tepati keperluan rakyat



Pemberian bantuan lebih telus kepada golongan layak tangani masalah ketirisan

Kuala Lumpur: Komitmen kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel disifatkan menepati keperluan rakyat dan ia langkah lebih adil dalam mengagihkan bantuan kepada golongan yang layak.

Biar pun langkah kerajaan itu dilihat tidak popular namun secara umumnya, masyarakat memuji usaha itu kerana pemberian subsidi secara bersasar dan telus dapat mengurangkan masalah ketirisan dan peng-eksplotasian bantuan yang me-

rugikan negara.

Rakyat turut menyokong keberanian kerajaan dalam membuat perubahan itu, selain mahukan pelaksanaan subsidi bersasar berkenaan dilakukan dengan sistematik, supaya golongan yang layak dapat menikmati kemudahan itu secara menyeluruh.

Di Negeri Sembilan, penjawat awam, Fadzylah Ismail, 39, berkata penyasaran subsidi diesel menunjukkan kerajaan mula mengamalkan cara pengurusan yang lebih bersistematik dan adil seterusnya memastikan manfaat dapat dinikmati rakyat.

Katanya, penyasaran subsidi itu memberikan penjimatan kepada kerajaan dan hasilnya boleh digunakan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan, pembangunan infrastruktur serta manfaat lain untuk rakyat terutama dalam situasi ekonomi global tidak menentu.

"Langkah ini amat bermanfaat kepada golongan kurang

mampu... jika subsidi bersasar ini berjaya dilaksanakan, saya yakin penjimatan berkenaan sudah tentu dapat membantu rakyat dalam isu lain seperti menambah nilai Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan menampung kembali subsidi ayam," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerusi Perutusan Negara yang disiarkan secara langsung di semua saluran media tempatan dua hari lalu, memaklumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi diesel bersasar di Semenanjung yang membabitkan pengguna komersial B40 dan M40.

Anwar menegaskan subsidi bersasar itu tidak akan dinikmati golongan T20 serta 3.8 juta warga asing, sekali gus memberi penjimatan secara kasar kira-kira RM4 bilion setahun kepada kerajaan seterusnya boleh digunakan bagi menambah peruntukan STR dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

Di Pahang, pekerja swasta,

Fadil Nor Mazlan, 35, berkata langkah kerajaan itu amat tepat dalam memastikan matlamat sebenar pemberian subsidi tercapai, malah usaha itu perlu dilaksanakan segera.

Tiada lagi rakyat terpinggir

"Selama ini Malaysia rugi berjuta-juta ringgit disebabkan penyeludupan diesel selain warga asing, golongan T20 turut sama merasainya nikmat yang sepatutnya menjadi hak golongan sasar. Jadi, betullah tindakan kerajaan (subsidi bersasar) ini."

"Apabila buat subsidi bersasar dan dapat penjimatan, kerajaan boleh tingkatkan bantuan dan pelbagai kemudahan, selepas ini tiada lagi rakyat terpinggir."

Selain itu, masyarakat melihat langkah penyasaran subsidi ini memberi kesan jangka panjang yang positif menerusi penjimatan kewangan negara dan hasilnya boleh digunakan untuk kemudahan infrastruktur serta

suntikan ekonomi, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Di Terengganu, pekerja pembersihan, Mohd Rusydi Razlan Mohd Amin, 39, optimis kesan jangka panjang langkah penyasaran subsidi diesel akan memberikan manfaat kepada golongan kurang mampu dalam mendepani beban kos sara hidup.

Beliau yang juga penerima STR berkata usaha kerajaan itu bakal memberi ruang kelegaan kepada golongan sasar seperti dirinya yang hanya mampu meraih pendapatan kurang RM2,000 sebulan.

"Keadaan kami sekarang ibarat kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang, tapi saya percaya langkah kerajaan ini beri manfaat pada masa hadapan. Mungkin pelbagai bantuan akan dilaksanakan kelak dapat mengubah kehidupan golongan seperti kami," katanya.

BERNAMA

BERITA HARIAN
Tarikh.....2.4.MAY...2024....

Zakat Selangor kekal kutipan lebih RM1b

an 2018

SHAH ALAM: Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengekalkan kutipan dan agihan zakat bagi 2023 pada kadar lebih RM1billion untuk tempoh dua tahun berturut-turut sejak kali pertama mencecah angka tersebut pada 2022.

Pada tahun lalu, LZS mengutip sebanyak RM1.12 bilion dan jumlah itu meningkat sebanyak 4.8 peratus berbanding RM1.07 bilion pada 2022.

Selain peningkatan kutipan, LZS juga melaporkan peningkatan jumlah agihan melebihi kutipan pada tahun lalu sebanyak 9.7 peratus atau RM1.15 bilion melibatkan sebanyak 350,000 penerima berbanding RM1.05 bilion pada 2022 dengan jumlah penerima yang sama.

Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail berkata, potongan gaji kekal sebagai kaedah kutipan utama, manakala pembayaran melalui kad debit mencatatkan pertumbuhan tertinggi untuk tempoh ini.

Jamalullail berkata, potongan gaji kekal sebagai kaedah kutipan utama, manakala pembayaran melalui kad debit mencatatkan pertumbuhan tertinggi untuk tempoh itu.

"Kami berterima kasih kepada muzakki atas kejayaan ini. Peningkatan kutipan zakat bagi tahun 2023 memperlihatkan komitmen tidak berbelah bahagi LZS terhadap misi kami dan lebih penting bagi mencerminkan keyakinan yang diletakkan terhadap kami oleh umat Islam di Selangor untuk menunaikan kewajipan zakat mereka.

"Kutipan zakat terbesar diperolehi daripada zakat pendapatan dan perniagaan. Kita memuji mereka yang menunaikan kewajipan itu kerana sumbangan mereka membawa perbezaan yang bermakna dalam kehidupan golongan memerlukan pada masa-masa mencabar ini," katanya pada sidang akhbar Agihan dan Kutipan Zakat Selangor 2023.



SYED Anwar Jamalullail menyerahkan laporan ESG LZS kepada Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof pada majlis pembentangan Agihan dan Kutipan Zakat Selangor di Shah Alam, Selangor, semalam. - UTUSAN / AFIQ RAZALI

UTUSAN MALAYSIA
24 MAY 2024

Tarikh:

Tarik subsidi diesel dilaksanakan tahun ini, tarikh belum ditetapkan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Pelaksanaan penyasaran subsidi diesel akan dilaksanakan tahun ini, cuma tarikhnya masih belum dimuktamadkan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, terdapat beberapa perkara seperti sasaran penerima layak yang perlu diperkemas dan diperkukuhkan.

Beliau berkata, tarikhnya hanya akan ditetapkan selepas Jemaah Menteri berpuas hati dengan perincian semua mekanisme pelaksanaannya.

"Penasarasan semula diesel itu turut melibatkan kementerian-kementerian lain dan apabila pengumuman dibuat kerajaan nanti, semua pihak hendaklah sudah bersedia untuk melaksanakannya," katanya selepas sesi penyerahan Fleet Card Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2, di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Perutusan Negara pada Selasa lalu mengumumkan kerajaan akan melaksanakan subsidi bersasar diesel bagi Semenanjung Malaysia dengan jangkaan penjimatan berjumlah RM4 bilion.

Armizan berkata, antara mekanisme yang perlu dipastikan sudah bersedia termasuk penyelarasan harga bahan api itu di semua stesen minyak dan bantuan sosial kepada golongan sasar yang mempunyai keberuntungan tinggi terhadap diesel.



ARMIZAN Mohd. Ali (dua dari kanan) bersama wakil syarikat pengangkutan yang menerima kad fleet Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 di Lebuhraya Grand Sepadu di Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ISKANDAR SHAH MOHAMED

Mengenai SKDS 2.0, beliau berkata, ia bukan satu sistem baharu kerana ia sudah dilaksanakan sejak 2013 tetapi kerajaan perlu memperkemas sistem itu dengan perluasan kepada jenis kenderaan sektor pengangkutan darat.

Katanya, sebanyak 28,000 syarikat pengangkutan darat telah mendaftar dalam SKDS 2.0 setakat ini yang meliputi 90,000 kad fleet oleh lima syarikat minyak utama.

Justeru, beliau menasihatkan syarikat terlibat supaya segera membuat permohonan sebelum pelaksanaan penyasaran subsidi diumumkan kerajaan.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan kementeriannya bersedia memperketatkan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak yang sengaja menaikkan

harga barangan selepas pelaksanaan subsidi bersasar bahan api kelak.

"Kementerian sudah mempunyai mekanisme atau pendekatan terbaik bagi menangani perkara itu kelak. Itu sebabnya kerajaan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan subsidi bersasar itu," katanya.

Sementara itu, Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil ketika dihubungi Utusan Malaysia berkata, setakat ini, Jemaah Menteri belum menerima apa-apa maklumat mengenai isu subsidi bersasar yang melibatkan diesel.

Kata beliau, pengumuman tarikh hanya akan dibuat selepas semua mekanisme sudah bersedia dan rakyat juga sudah diberikan penerangan lengkap tentang pelaksanaannya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 24 MAY 2024

RM8,000 sebulan baru boleh hidup di KL, Putrajaya

PETALING JAYA: Pendapatan isi rumah RM8,000 dengan tiga anak masih bersekolah adalah pendapatan minimum sebulan untuk sesebuah keluarga menjalani kehidupan sederhana di bandar-bandar besar di negara ini.

Pendapatan itu adalah kadar ideal bagi lima beranak berdasarkan kadar penggunaan isi rumah tahun 2022 melibatkan bandar-bandar seperti di Putrajaya yang merekodkan purata tertinggi iaitu RM8,897 manakala Kuala Lumpur mencatatkan RM7,823, Selangor (RM6,770); Melaka (RM5,707); Johor (RM5,342) dan Pulau Pinang (RM5,322).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, jika sebulan ini pendapatan seisi rumah RM8,000 dan ke atas dikategorikan dalam kumpulan T20 namun ketika ini tidak lagi kerana lonjakan kos sara hidup yang mengecilkan kebolegunaan pendapatan setiap isi rumah.

Sebaliknya, menurut beliau, kategori T20 kini membabitkan isi rumah berpendapatan RM11,000 dan ke atas.

"Satu keluarga terdiri daripada ibu bapa dan tiga anak yang mahu menjalani kehidupan di

bandar memerlukan pendapatan serendah RM8,000 sebulan untuk boleh menampung keperluan hidup.

"Jumlah tersebut ideal untuk keluarga itu menampung kos sara hidup di bandar-bandar masa kini namun tidak boleh bermewah-mewah dan jika bernasib baik dapat membuat sedikit simpanan," katanya ketika dihubungi semalam.

Mengikut laporan, perbelanjaan penggunaan isi rumah bujukan purata nasional ketika ini meningkat daripada RM4,609 pada tahun 2019 kepada RM5,150 pada 2022 mengakibatkan golongan berkeluarga tertekan un-

tuk meneruskan kelangsungan hidup di bandar-bandar.

Selain Putrajaya, lima negeri lain turut mencatatkan perbelanjaan penggunaan isi rumah melebihi purata nasional iaitu Kuala Lumpur (RM7,823); Selangor (RM6,770); Melaka (RM5,707); Johor (RM5,342) dan Pulau Pinang (RM5,322).

Berdasarkan tinjauan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada tahun 2022, terdapat empat indikasi utama menyumbang kepada perbelanjaan penggunaan isi rumah iaitu perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain membabitkan 23.2 peratus; makanan dan minuman (16.3

peratus); restoran dan hotel (16.1 peratus) dan pengangkutan (11.3 peratus).

Mengulas lanjut, Bashir Ahmad berkata, kerajaan perlu meneliti semula definisi B40, M40 dan T20 berdasarkan kos sara hidup terkini kerana ukuran lama sudah tidak lagi terpakai khususnya selepas pandemik Covid-19.

"Definisi tersebut tidak boleh diukur daripada pendapatan bujukan semata-mata sebaliknya perlu melihat kepada beberapa faktor lain seperti berapa ramai ahli keluarga, status pengajian kesihatan, tempat tinggal dan beberapa perkara lain," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2.4.....MAY.....2024....

Penjawat awam mengaku tidak bersalah cabul OKU

KOTA BHARU: Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal dengan mencabul remaja orang kelainan upaya (OKU) di tandas sekolah, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mukfarnizan Mukhtar, 41, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Nik Habri Muhamad.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bekerja sebagai pembantu pengurusan murid didakwa melakukan amang seksual fizikal dengan mencabul seorang remaja perempuan berusia 14 tahun enam bulan ketika kejadian.

Perbuatan itu dilakukan di dalam tandas sebuah sekolah di sini pada kira-kira pukul 9 pagi pada 24 November 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan sebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad manakala tertuduh diwakili peguam, Ahmad Nizam Mohamed.

Ahmad Faiz mencajkan jaminan paling tinggi kerana membabitkan remaja bawah umur yang juga OKU.

Ahmad Nizam bagaimanapun memohon ikat jamin RM5,000.

Mahkamah kemudiannya membenarkan jaminan RM12,000 dengan seorang penjamin termasuk syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa selain menetapkan 27 Jun untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Tertuduh membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 24 MAY 2024

STARTING NEXT MONTH

1,000 EMPLOYERS IN PILOT PROJECT

Progressive Wage Policy to ensure salaries are aligned with increase in productivity

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A TOTAL of 1,000 employers will participate in the Progressive Wage Policy (PWP) pilot project starting next month, said Economy Minister Rafizi Ramli.

He said companies from five sectors — manufacturing and construction; wholesale and retail trade; repair of motor vehicles and motorcycles; information and communication; and professional, scientific and technical activities — were invited to participate in the project.

"This is a government initiative to ensure that wages are aligned with an increase in productivity to push Malaysia to (achieving) a high-income nation status."

"Selection of companies for the pilot project will go through a process that emphasises policy support, sectoral needs, and equity," he said on X.

Rafizi said selected employers would receive incentives of RM200 per month for each entry-level employee and a maximum of RM300 per month for each non-entry-level employee.

Eligible employers — those with employees earning between RM1,500 and RM4,999 — could claim incentives from the government, he said.

"Each employee registered under the PWP must undergo skills enhancing courses or training for at least three days (21 hours)."

"The pilot project will be evaluated in September to ensure policy readiness before the policy is fully implemented across all employers and sectors."

Meanwhile, Malaysian Employers Federation (MEF) president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman expressed hope that the policy would be able to achieve the goal of improving people's

quality of life, as well as increase the country's productivity and competitiveness.

"Many employers are not aware of details of the PWP implementation, and this slows down their response to it."

"The MEF believes that employers will give a positive response to participating voluntarily in the project following efforts made by the government and stakeholders to raise awareness about it."

Syed Hussain said the PWP was not only about paying higher wages to workers, but also about improving employees' skills through training.

"The PWP is a win-win policy for all stakeholders, namely employees, trade unions, employers and the government."

"The PWP can help raise the country's competitiveness to be among the top 12 in the world competitiveness index."

RM50 million has been allocated for the project that will be implemented for a year.

Visit <https://gajiprogresif.gov.my> for more information.



Rafizi Ramli

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 24 MAY 2024

PROGRESSIVE WAGE POLICY

3 mechanisms:

- Participation criteria
- Annual salary increases
- Incentives based on rates and workers groups.

It complements existing policies, such as the Minimum Wage Policy and the Productivity Linked-Wage System.

Policy has three key features

1. Voluntary Implementation

- The implementation of the policy is voluntary, without new legislation compelling employers to adopt this pay model.
- This allows companies to prepare and adjust without undue financial pressure, especially among micro, small, and medium-sized enterprises, which constitute 97 per cent of employers in the country.

2. Incentive-based participation

- The government will support voluntary participation with cash incentives for employers that implement the policy.
- These incentives will be provided to companies that meet the criteria for one year, with annual reviews of disbursement based on the government's fiscal position.

3. Productivity-related salary raises

- Salary increases will be based on enhanced productivity, reflecting a fair and reciprocal relationship between employers and workers.
- Improvements in productivity will lead to corresponding wage increases, addressing employers' concern that wage hikes should align with the increased skills and productivity of workers.

How does it work?

- Participating companies must send their employees to attend government-recognised training and skill enhancement programmes to increase productivity.

- Employees must comply with training requirements, which will upskill them to a high-quality workforce with higher output that justifies wage increases.

Pilot project

- The pilot project will begin in June, involving 1,000 companies.
- The selection of companies will be based on policy support, sectoral needs and fairness.
- Targeted sectors include manufacturing, construction, wholesale and retail trade, repair of motor vehicles and motorcycles, information and communication, and professional, scientific and technical activities.

- Employers will receive incentives of RM200 per month for each entry-level employee and up to RM300 per month for each non-entry-level employee.
- Eligible employers are those with employees earning between RM1,500 and RM4,999.
- An impact assessment will be conducted on the effectiveness of the project and employer readiness before the policy is implemented nationwide.

Govt urged to **clarify** overlap in Socso Invalidity Scheme

► Cost of repatriating deceased foreign workers already covered by existing insurance policies, says MEF president

■ BY JOSHUA PURUSHOTMAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Malaysian Employers Federation (MEF) has called on the government to clarify whether the Social Security Organisation (Socso) Invalidity Scheme will replace the existing foreign worker insurance schemes that employers currently pay for.

"The clarification is essential for employers to understand potential changes in their insurance obligations," said its president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman.

He was commenting on Human Resources Minister Steven Sim's announcement on Monday that the Socso Invalidity Scheme, which offers 24-hour protection, will also be extended to foreign workers.

Prior to extending the scheme, foreign workers were only provided with the Employment Injury Scheme under Socso that protected them during working hours.

Sim also said the decision to expand the

scheme to foreign workers will save Socso about RM25.38 million annually to repatriate deceased individuals to their home countries.

Syed Hussain said while MEF supports the move to extend the Invalidity Scheme to foreign workers, the cost of repatriating deceased workers is already covered by existing insurance policies.

"Hence, it is important to clarify how the new Socso coverage will address this issue without incurring additional government expenditure or causing duplicity."

He emphasised that while the MEF welcomed the government's decision to improve benefits for foreign workers, addressing the issues requires standardised policy reforms.

Syed Hussain said this will ensure foreign workers are provided adequate social security coverage in line with those of local manpower.

"This forward-thinking and inclusive policy change aligns with international standards, enhances social security and improves the welfare of our labour force."

"Executing it would also mean making legislative changes, administrative improvements and expanding efforts to enhance awareness and accessibility of the various schemes and programmes for foreign workers."

Syed Hussain said as MEF advocates non-discriminatory and fair labour practices, extending the Socso scheme to foreign workers elevates Malaysia's commitment to human development, where no one is left behind, including foreign workers.

"The new Socso policy represents a significant step forward in the enhancement of

employee benefits. By including foreign workers, we are bolstering the social security net to ensure that all workers have access to necessary support in times of need."

He said adopting the policy also aligns with global best practices and reflects Malaysia's commitment to upholding international labour standards.

This also enhances the foreign workers' welfare, contributing to a more stable and motivated workforce.

He said as foreign workers contribute to the scheme, it is only fair that they receive the same benefits as their local counterparts.

Syed Hussain also said MEF acknowledges that implementing and enforcing the extension of the Socso Invalidity Scheme to foreign workers presents several challenges related to implementation, enforcement, funding, sustainability and employer compliance.

"Effective execution and strict enforcement are crucial to the initiative's success. So it is essential to determine how the scheme will be funded to ensure its long-term sustainability and viability."

"Therefore, clear guidelines and a robust framework for execution are critical to achieving successful implementation and enforcement. Addressing these challenges comprehensively will help pave the way for a smooth and effective transition."

He said as MEF supports the move, it also urges stakeholders to consider several key aspects, including which party will bear the cost of the extension and assess the financial impact on employers.

THE SUN

Tarikh:2.4 MAY 2024.....